

02 FEB 2001

Mahathir-Pembangunan

JADIKAN PUTRAJAYA MODEL PEMBANGUNAN BANDAR, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 2 Feb (Bernama) -- Pemaju-pemaju perumahan di seluruh negara harus menjadikan Putrajaya sebagai contoh dalam membangunkan bandar dan kawasan perumahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, mereka tidak perlu meratakan semua bukit dan menghapuskan kawasan hijau hanya kerana ingin mendapat keluasan maksima bagi tujuan pembangunan mereka.

"Mungkin mereka dapat bina banyak bangunan di kawasan itu jika tarah bukit tetapi kawasan bangunan itu tidak menarik hingga pembeli sukar membeli 'property' itu."

"Tetapi jika mereka bangunkan seperti Putrajaya, saya percaya, harga jualan tidak akan menghalang pembeli," katanya ketika berucap merasmikan Taman Wetland Putrajaya di sini.

Beliau berharap pemaju dan rakyat negara ini akan melawat Putrajaya dan Taman Wetland untuk melihat sendiri bahawa bukan sahaja alam sekeliling dikekalkan, malah boleh juga melihat bagaimana alam sekeliling yang menarik dapat diwujudkan.

Beliau berkata, Putrajaya bukan hanya bagi mereka yang datang untuk tujuan rekreasi tetapi juga bagi mereka yang mahu belajar mengenai flora dan fauna tanah lembap (Wetlands) dan bagaimana kita boleh memulihara alam sekitar.

Mengambil contoh Taman Wetland Putrajaya yang asalnya hanya mempunyai alur selebar dua meter dan kini menjadi tasik, Dr Mahathir menasihati pemaju supaya mereka juga membuat taman wetland di kawasan yang akan dibangunkan.

"Kalau ada lombong bijih, jangan timbus tetapi indahkan dengan pelbagai cara," katanya.

Menurut beliau, lanskap yang cantik merupakan aset kepada pembangunan yang dibuat dan boleh meningkatkan harga bangunan satu-satu kawasan itu.

Mengenai Taman Wetland Putrajaya, Dr Mahathir berkata Perbadanan Putrajaya telah berjaya mewujudkan satu taman buatan manusia unik, yang pertama di dunia.

Di Putrajaya, sebenarnya tidak ada tanah lembap (wetland) tetapi cuma ada alur-alur kecil yang mengalir tetapi Perbadanan Putrajaya mempunyai idea unik untuk membangunkan kawasan ini, katanya.

"Biasanya tanah lembap semulajadi menyebabkan masalah kepada penduduk kerana ia sukar dibangunkan, ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi," katanya.

Menurut beliau, taman itu dibangunkan bukan sahaja untuk mencantikkan kawasan persekitaran tetapi juga ia berperanan sebagai medium pembersihan air yang mengalir ke tasik Putrajaya.

Selain tasik yang indah, taman itu juga boleh menjadi tarikan kepada pengemar burung dan ikan, katanya.

"Ada juga burung yang datang dari Rusia...sekarang Rusia tak (bukan negara) komunis lagi...kita tak takut lagi burung-burung yang datang dari Rusia itu," katanya secara berseloroh.

Acara kemuncak perasmian taman itu ialah majlis melepaskan burung dan kira-kira 1,500 rama-rama pelbagai saiz dan warna oleh Perdana Menteri.

Burung dan rama-rama itu secocok dengan keadaan persekitaran semulajadi taman yang merupakan habitat bagi burung dan kira-kira 70 spesis rama-rama.

Sebelum itu, Dr Mahathir turut melepaskan 500 peserta yang terdiri

daripada penuntut institusi pendidikan tinggi awam dan anggota kelab-kelab belia yang menyertai Wetlands Discovery Hunt.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut melawat kawasan pertandingan seni suara burung merbok.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

-- BERNAMA

NZ ES PR